

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
[ SUNGAI BESAR ]

**TARIKH :** 23.3.2017

**SOALAN :**

**Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang dijalankan oleh pihak Kementerian dengan agensi Kerajaan lain seperti pihak polis serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dalam membendung masalah gejala dadah di kalangan pelajar sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serius dalam usaha membendung masalah gejala dadah dalam murid sekolah. KPM dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah menjalankan ujian urin kepada murid-murid yang berisiko di sekolah. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberikan kerjasama dengan melaporkan semua murid yang dikesan terlibat dadah kepada KPM. KPM juga melaksanakan program-program intervensi dengan kerjasama pihak AADK, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) bagi membendung gejala dadah dalam kalangan murid sekolah.

Selain daripada itu, KPM PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah melaksanakan program National Blue Ocean Strategy (NBOS) melalui Program Remaja Berwawasan. Murid-murid yang dikenal pasti bermasalah dan berisiko dadah dipilih mengikuti program ini. Program tersebut dilaksanakan sepanjang tahun dengan mengadakan perjumpaan sebanyak 12 kali setahun menggunakan peruntukan masa kurikulum pasukan badan beruniform di sekolah.

RJM71